

**UCAPAN ALUAN**  
**Y.BHG. DATO MOHD FADZIL BIN HJ. MOHD KHIR**  
**KETUA PENGARAH JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**  
**SEMENANJUNG MALAYSIA**

**DI**  
**MESYUARAT PEGAWAI KANAN**  
**PERANCANG BANDAR DAN DESA**  
**MALAYSIA KE 22**

**DEWAN BANKUET,**  
**BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN,**  
**IPOH PERAK**

**“CLIMATE CHANGE AND SUSTAINABILITY:  
THE ROLE OF PLANNING AND  
DEVELOPMENT AGENCIES”**

**14 JULAI 2008**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera;

Terima kasih Pengerusi Majlis;

**Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Chuan,**  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

*(Wakil Negeri Perak – sedang mendapat pengesahan kehadiran)*

**Yang Berusaha, En. Kamalruddin Bin Shamsudin,**  
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan),  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia;  
*Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Mesyuarat Pegawai  
Kanan Perancang Bandar dan Desa Malaysia ke-22, 2008*

**Yang Berbahagia Datin Wira Hamisah Ariffin,**  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan),  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia;

Semua Ketua-ketua Jabatan, Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah JPBD Negeri, wakil Jabatan dan semua Pegawai-Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa dari Pihak Berkuasa Tempatan, Institut Pengajian Tinggi Awam dan agensi-agensi lain.

Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana sudi hadir untuk merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa kali Ke-22 yang diadakan di Negeri Perak, Darul Ridzuan pada hari ini.

2. Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan di atas kehadiran Y.B. Dato' Seri pada pertemuan julungkali bersama Pegawai-Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa dari seluruh Malaysia.

3. Untuk makluman Y.B. Dato' Seri, Mesyuarat Pegawai Kanan ini diadakan setiap tahun yang melibatkan Pegawai-Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa dari peringkat Persekutuan, Negeri termasuk Sabah dan Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan juga agensi-agensi lain yang berkaitan dengan perancangan dan pembangunan khususnya di Negeri Perak. Semoga dengan bilangan kehadiran yang ramai ini, mesyuarat akan mewujudkan kesepakatan untuk memperkukuhkan tahap profesion dan peranan perancang bandar di semua peringkat kerajaan sama ada kerajaan persekutuan, negeri atau tempatan.

4. Mesyuarat pegawai kanan kali Ke-21 yang lalu telah diadakan di Kuala Terengganu pada 6 hingga 8 September 2007 yang bertemakan "Our Plan is Your Plan, Your Plan is Our Plan". Pada kali ini pula, bersesuaian dengan isu perubahan iklim dan pemanasan global yang impaknya dirasakan oleh seluruh penduduk dunia, tema

mesyuarat yang telah dipilih ialah “Climate Change And Sustainability: The Role Of Planning And Development Agencies”.

Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

5. Secara umumnya, Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang bebas dari bencana alam yang dahsyat dan perubahan cuaca yang melampau. Namun begitu, beberapa kejadian telah melanda negara kita seperti peningkatan suhu di Cameron Highlands, bencana tsunami pada Disember 2004 dan kejadian banjir besar di Negeri Johor pada akhir Disember 2006 dan awal 2007. Fenomena banjir besar tersebut ada kaitannya dengan perubahan iklim dunia. Dikatakan kejadian banjir tersebut adalah akibat kesan pemanasan yang berlaku di Siberia, ditambah pula dengan masalah sistem perparitan yang tidak terancang. Banjir besar tersebut telah menyebabkan penduduk kehilangan tempat tinggal, kemusnahan infrastruktur dan harta benda serta penurunan kuantiti hasil pertanian.

Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

6. Kerajaan Malaysia adalah komited di dalam menangani isu-isu melibatkan perubahan iklim dunia dan kaitannya dengan kemampuan (Climate Change And Sustainability). Lanjutan Kyoto Protokol yang telah ditandatangani oleh Malaysia pada tahun 2005,

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Clean Development Mechanism (CDM) di mana Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bertindak sebagai “focal point” bagi agenda perubahan iklim di Malaysia. Dalam menangani isu perubahan iklim dunia, pada amnya Malaysia menerimapakai “precautionary principle and no regret policy” dan strategi pembangunan mampan sebagai rangka ibu di dalam menangani isu perubahan iklim.

7. Pada masa ini JPBD Semenanjung Malaysia menjadi ahli Jawatankuasa Penyelarasan Projek dalam penyediaan Second National Communication (NC2). Jawatankuasa Penyelarasan Projek ini dipengerusikan oleh KSU NRE. Penglibatan JPBD ini antara lainnya adalah supaya agenda perubahan iklim dapat diterjemahkan dalam penyediaan Kajian Semula RFN dan Kajian Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara (RFZPPN) dengan berkesan.

8. Sehubungan itu, perancangan yang teliti untuk mewujudkan pembangunan yang mampan di lihat sebagai satu langkah efektif untuk mengurangkan kesan bencana akibat daripada isu perubahan iklim dunia dan pemanasan global. Oleh itu peranan JPBD dalam menyediakan rancangan-rancangan pemajuan, garis panduan perancangan, kawalan pembangunan, falsafah perancangan seperti Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejangat dan aktiviti seperti program bandar selamat dan pelaksanaan MurniNET merupakan antara usaha-usaha ke arah mencapai kemampanan dalam pembangunan negara. Ini termasuk juga usaha Jabatan meminda Akta 172 beberapa kali untuk merangkumi aspek pemeliharaan alam

persekitaran dan pengurusan pembangunan kawasan bandar melalui penggunaan tanah yang efisien, optimum dan pembangunan sistem pengangkutan yang bersepadu.

9. Di masa yang sama setiap agensi yang terlibat dengan perancangan dan pembangunan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan secara bersama bagi menghadapi isu global ini.

Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

10. Kita semua di dalam dewan ini, turut mempunyai peranan di dalam menangani perubahan iklim dan membangunkan negara secara mampan. Dengan kuasa dan keupayaan yang ada pada kita, saya percaya kita dapat turut membantu mengurangkan kesan-kesan negatif daripada perubahan iklim. Ini kerana kita berupaya untuk memastikan penebangan hutan dijalankan secara mampan ('sustainable forest management') manakala penggondolan bukit yang berleluasa mampu kita elakkan. Kita juga seharusnya mengelakkan penukaran kawasan padi dan lain-lain kawasan pertanian utama dibangunkan dengan rakus dengan pembangunan lain seperti mana yang disarankan dalam Rancangan Fizikal Negara, Rancangan-rancangan Struktur Negeri dan Rancangan-rancangan Tempatan. Pelbagai perancangan, kawalan pembangunan penyelidikan, garis panduan-garis panduan dan kaedah-kaedah yang

telah dihasilkan amat membantu dan mendorong jalan untuk menangani isu yang kita hadapi.

11. Selain itu, kita sebagai individu juga boleh memainkan peranan penting dalam meminimalkan kesan perubahan cuaca. Kita mampu melakukan perubahan. Kita boleh mengitar semula bahan-bahan buangan seperti kertas, tin minuman dan botol kaca sekaligus menyokong Kempen Kitar Semula yang diuar-uarkan oleh Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

12. Sebagai pengguna kita boleh menggunakan pengangkutan awam sebagai salah satu alternatif untuk ke tempat kerja bagi mengurangkan pembebasan karbon dioksida yang tinggi ke udara. Ia juga dapat mengurangkan masalah kesesakan lalulintas yang semakin teruk melanda di kebanyakan bandar-bandar besar di negara kita. Kita juga boleh mengurangkan penggunaan kloroflorokarbon (CFC) dalam kegunaan harian seperti yang terkandung pada bekas polistirena, plastik dan aerosol dan menggantikan bahan tersebut kepada bahan yang boleh di kitar semula seperti bekas makanan “eco-pack” mesra alam yang diperbuat daripada bahan sisa buangan kelapa sawit.

Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

13. Dalam usaha perancangan pembangunan, kerjasama strategik bersama pihak berkaitan perlu kita pupuk untuk mendapat penyelarasan yang efektif bagi perancangan yang bermakna. Oleh itu, saya dengan sukacita memaklumkan bahawa JPBD Semenanjung Malaysia akan mengadakan Memorandum Persefahaman dengan pihak Remote Sensing Malaysia pada pagi ini, yang akan berkerjasama melalui perkongsian maklumat dan kepakaran di dalam teknologi Remote Sensing dan teknologi-teknologi berkaitan serta mengoperasikan penggunaannya di agensi-agensi pengguna bagi tujuan pengurusan sumber asli, alam sekitar dan bencana serta perancangan strategik negara untuk mencapai pembangunan fizikal dan guna tanah yang lebih sempurna dan komprehensif.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya memetik saranan Al Gore dalam dokumentari dan buku beliau yang bertajuk 'An Inconvenient Truth'. Beliau menyarankan :

“We have everything we need to begin solving the climate crisis. Each one of us is a cause of global warming, but each of us can become part of the solution: in the decisions we make on what we buy, the amount of the electricity we use, the car our family drives, and how we live our lives. We can make choices so that no unnecessary carbon is released because of our own individual actions.”

15. Akhir kata, saya ingin menyeru para hadirin sekalian untuk sama-sama menggembleng tenaga dalam memelihara bumi yang kita diami agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Inilah teras pembangunan mampan.

16. Semoga kita terhindar dari akibat buruk perbuatan kita sendiri seperti mana yang ditegaskan oleh firman Allah S.W.T dalam surah Ar-Rum ayat ke 41 yang bermaksud:

“Telah timbul pelbagai kerosakan di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang telah mereka lakukan supaya kembali (insaf dan bertaubat).

Sekian, wabillahittaufig walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahiwabarokaatuh.

Terima kasih.